

Malaysia negara pertama miliki universiti Jepun

FUKUOKA 8 Ogos - Malaysia bakal menjadi negara pertama mempunyai universiti dari Jepun dengan beberapa universiti di negara matahari terbit itu begitu berminat untuk membuka kampusnya di Malaysia, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahahir Mohamad.

Daripada beberapa universiti itu, University of Tsukuba dilihat yang paling "serius" sekarang dengan telah mengenal pasti tapak potensi di Kedah dan Selangor, katanya.

Beliau berkata, penubuhan universiti Jepun di Malaysia, yang hampir kesemua tenaga pengajarnya nanti terdiri daripada rakyat Jepun, akan dapat mengurangkan sekurang-kurangnya satu pertiga kos penghantaran pelajar ke negara ini.

"Kita dapati pelajaran di Jepun bukan sahaja untuk menerap ilmu tetapi juga untuk menerap budaya yang dipegang oleh orang Jepun yang memberi kejayaan kepada mereka. Tetapi untuk hantar penuntut kita ke Jepun ini terlalu mahal. Kita boleh hantar hadkan jumlah sahaja.

"Kalau bawa universiti ke

Malaysia maka lebih ramai akan dapat manfaat dan negara miskin juga dapat hantar (pelajar ke Malaysia untuk belajar di universiti Jepun)," katanya pada wartawan Malaysia bagi mengakhiri lawatan kerjanya ke Fukuoka selama dua hari pada Khamis.

Menurut Dr. Mahathir, Jepun tidak pernah membuka universiti luar daripada negara itu.

Mengenai sistem pengajian di universiti Jepun itu kelak, antara opsyen yang akan dipertimbangkan ialah sama ada tempoh pengajian adalah sepenuhnya dilakukan di Malaysia atau sebahagian tempoh pengajian akan membolehkan penuntut dihantar ke Jepun.

Mengenai University of Tsukuba itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan Jepun telah bersetuju untuk membenarkan universiti itu membuka kampus di Malaysia cuma universiti itu belum membuat pilihan sama ada di Kedah atau Selangor.

Menurut Dr. Mahathir, Kedah, yang mempunyai bangunan dan tanah untuk universiti itu membuat tawaran antaranya tidak mengenakan sewa selama setahun. - **BERNAMA**